

# Pembimbing anggap tuisyen satu amanah masyarakat



**MENYUMBANG KEPADA MASYARAKAT:** Bagi Encik Mikhyle Mat Nooh (berbaju merah dalam kedua-dua gambar di atas) menyertai Skim Tuisyen Mendaki (MTS) sebagai pembimbing, telah memberikan beliau peluang untuk menyumbang kepada masyarakat dan meraih kejayaan kepada generasi muda. – Foto-foto MENDAKI



BAGAI sirih pulang ke gagang. Inilah yang boleh digambarkan kepada mantan peserta program Mendaki, Encik Mikhyle Mat Nooh, 23 tahun.

Beliau kini berkhidmat sebagai tutor Skim Tuisyen Mendaki (MTS), demi membantu dan meningkatkan pemahaman pelajarannya dalam pelbagai mata pelajaran.

Encik Mikhyle memberitahu *Berita Harian* (BH) bahawa Mendaki sangat dekat di hatinya.

Ini kerana, beliau banyak menyertai program yang dianjurkan Mendaki sejak dirinya berada di sekolah menengah lagi.

“Sememangnya, program-program keloaan Mendaki sudah sebatas dengan saya.

“Sebelum ini, saya telah menyertai program-program anjuran Kelab Mendaki Muda (YMC) dan Kelab Mendaki (MClub) sejak dari Menengah Satu.

“Apabila sudah meningkat dewasa, saya sendiri berhasrat menyumbang kepada masyarakat, seperti mana yang telah dilakukan oleh para guru dan pembimbing serta senior sebelum ini.

“Mereka telah bertungkus-lumus mendidik anak-anak muda dan warga beliau ini,”

jelas Encik Mikhyle.

## IKUT JEJAK LANGKAH BAPA

Memiliki kebolehan mengajar, Encik Mikhyle ingin mengikuti jejak langkah bapanya yang juga merupakan seorang tenaga pengajar di Mendaki.

Katanya; “Apabila bapa saya mengetahui hasrat saya untuk mengajar, beliau terus menggalakkan saya untuk turut serta sebagai seorang tenaga pengajar dalam program MTS.

“Kebolehan mengajar sudah pasti diperolehi daripada bapa saya kerana beliau banyak mengajar saya di rumah sejak kecil lagi.

“Hal ini telah mempengaruhi dan mendorong saya untuk mengajar. Secara peribadi, saya memang seronok mengajar kerana saya ingin menyumbang kepada kejayaan generasi muda Melayu dengan lebih banyak lagi.”

## PAMER DEDIKASI YANG TINGGI

Memaparkan dedikasi yang tinggi, Encik Mikhyle sentiasa komited untuk melaksanakan tugasnya sebagai seorang pendidik, di

saat beliau masih lagi menyambung pengajiannya di Universiti Nasional Singapura (NUS).

“Dalam seminggu, saya akan meluangkan tiga hingga empat hari untuk mengajar di kelas MTS, termasuklah pada hujung minggu.

“Pada tahun ini, saya mengajar di tiga pusat MTS yang berbeza, di Sekolah Menengah Junyuan, Sekolah Rendah Punggol Green dan Sekolah Menengah Unity.

“Selepas tamat pengajian di NUS kelak, saya berhasrat untuk terus mengajar dan menyumbang kepada masyarakat semapun yang boleh,” kata Encik Mikhyle.

## BAHAGI MASA ANTARA BELAJAR DENGAN MENGAJAR

Tambah mahasiswa tahun ketiga di NUS itu, gelaran mahasiswa juga tidak menghalang beliau untuk menabur bakti kepada anak-anak didiknya.

Beliau menjelaskan: “Mengajar di kelas MTS ini merupakan satu tanggungjawab. Semakin banyak kita mengajar, semakin banyak ilmu yang kita perolehi untuk memperbaiki diri.

“Bergelar mahasiswa juga menjadi satu kelebihan untuk memahami para pelajar di MTS kerana kami semua masih berada dalam sistem pendidikan.

“Jadi, saya akan menyediakan pelbagai pendekatan kemahiran serta panduan belajar bagi memudahkan mereka menghadapi perjalanan pendidikan ini, insya-Allah.”

## BERSIKAP POSITIF

Sebagai seorang tutor, Encik Mikhyle turut berdepan dengan cabaran untuk mengkalkan keyakinan dan motivasi dalam diri pelajarinya.

Bagaimanapun, beliau sentiasa mengkalkan fikiran optimistik dalam kalangan pelajarinya supaya mereka berupaya meneruskan momentum pelajaran dengan baik.

“Saya selalu mengingatkan para pelajar bahawa pendidikan bukanlah satu pecutan, tetapi ia merupakan maraton sepanjang hayat.

“Mungkin kita tidak berupaya menyaksikan peningkatan dengan segera. Tetapi, selagi kita terus berusaha untuk meneruskan perjalanan, hasil yang indah pasti akan terlihat nanti,” ujarnya penuh semangat.

“Mengajar di kelas MTS ini merupakan satu tanggungjawab. Semakin banyak kita mengajar, semakin banyak ilmu yang kita perolehi untuk memperbaiki diri. Bergelar mahasiswa juga menjadi satu kelebihan untuk memahami para pelajar di MTS kerana kami semua masih berada dalam sistem pendidikan. Jadi, saya akan menyediakan pelbagai pendekatan kemahiran serta panduan belajar bagi memudahkan mereka menghadapi perjalanan pendidikan ini, insya-Allah.”

**– Encik Mikhyle Mat Nooh, pembimbing MTS.**